


KITA mungkin sudah berjaya menghalang jangkitan virus Ebola tetapi bagi individu yang pernah dijangkiti atau pekerja yang terlibat dalam proses memulihkan pesakit itu, mereka pasti berdepan cabaran baharu.

Kesan terburuk daripada demam tropika itu ialah serangan di barat Afrika selama kira-kira dua tahun. Dianggarkan, hampir 29,000 orang dijangkiti virus itu selain membunuh lebih satu pertiga daripada jumlah tersebut.

Baru-baru ini, satu pengumuman telah dibuat bahawa Liberia bebas daripada epidemik itu.

Terima kasih diucapkan kepada para doktor yang berani, jururawat, penggali kubur, pemberi maklumat dan pihak-pihak lain terutamanya yang berada di sekitar kejuranan Sierra Leone dan Guinea.

Kumpulan itu dirai seperti wira oleh kerajaan dan komuniti antarabangsa. Namun, daripada riak wajah mereka, ia seperti wujud satu stigma dalam kalangan mereka untuk kembali



PETUGAS Persatuan Bulan Sabit Merah Guinea bersedia untuk mengangkat mayat mangsa serangan virus Ebola pada 19 November 2014. – Gambar hiasan



PENGARAH Pusat Pencegahan dan Kawalan Penyakit Amerika Syarikat, Desmond William (kiri), Ketua Maklum Balas Ebola Liberia, Tolbert Nyenswah (tengah) dan wakil Pertubuhan Kesihatan Sedunia, Dr. Alex Gasasira memegang sijil pengumuman yang mengesahkan serangan Ebola tamat di Monrovia, Liberia pada 14 Januari lalu.

Dilema petugas, pesakit **Ebola**

Kosmo
28/1/2016
MIS 25 (K2)

pagkuan masyarakat berbanding penghargaan yang diberikan.

Helen Matturi mendaftar untuk menyertai Pasukan Palang Merah bagi melaksanakan kerja-kerja pengebumian mangsa ketika virus itu mula menyerang di Sierra Leone pada 2014.

Selepas menyertai persatuan sukarela itu, tugasnya keluar dari rumah untuk ke tempat kerja seperti biasa, namun dia tidak pulang ke rumah selepas itu.

“Apabila ditemui rakan-rakan dan ditanya kenapa dia meninggalkan rumah, tulang saya memberitahu bahawa dia tidak mahu ada ahli keluarga yang mempunyai kaitan dengan Ebola,” tambah Matturi.

Patogen tropika yang membunuh manusia itu boleh merebak menerusi sentuhan terhadap cecair yang ada pada badan pesakit dan jika seseorang yang baru dijangkiti.

Mangsa akan mengalami demam dan muntah-muntah atau lebih teruk lagi mati secara tiba-tiba.

Demam yang boleh membawa maut, kegagalan organ dan cirit-birit teruk itu telah menjangkiti 881 pekerja kesihatan dan membunuh lebih daripada 500 orang.

Selain turut mengucarkacirkan perkhidmatan kesihatan, pertumbuhan ekonomi dan kehidupan keluarga, ia juga menyebabkan hubungan dalam komuniti menjadi renggang serta semakin rumit.

Ebola juga telah mewujudkan ketakutan dan kebimbangan, terutamanya di kawasan bandar. Pelancong dipercayai menjadi penyebab kepada penyebaran virus itu termasuk kumpulan sukarelawan kemanusiaan yang tiba untuk menghulurkan bantuan.

Salah seorang ahli kumpulan pengebumian Freetown, Victor Koroma memberitahu, dia terpaksa berpindah rumah sebanyak enam kali selepas tuan rumah dan jiran-jiran mengetahui bahawa dia terlibat dengan kerja-kerja berkaitan Ebola untuk menyara kehidupannya.

Mayat hidup

“Ada satu masa, saya digelar sebagai ‘mayat hidup pembawa Ebola’ secara terang-terangan dan sejak daripada itu, saya mengambil keputusan untuk berpindah,” katanya.

Usaha pemusnahan virus yang dilakukan oleh pekerja sukarelawan dan kakitangan perubatan di barat Afrika itu memberi manifestasi bahawa ia bukan satu tugas yang boleh dilakukan secara remeh-temeh atau sekali sekala.

Guinea dan Sierra Leone mencetuskan beberapa perusuh menyerang ambulans dan pasukan pengebumian selepas pihak pemerintah melaksanakan darurat serta mula memperketat pergerakan populasi di lokasi itu.

Keganasan mula tercetus pada 2014 apabila lapan ahli pasukan sukarelawan di selatan

Guinea disembelih kumpulan perusuh yang menafikan kewujudan wabak Ebola selain mendakwa ia adalah satu konspirasi.

Tabung Kanak-kanak Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu (Unicef) yang dijalankan terhadap 1,400 isi rumah di sekitar Sierra Leone pada 2014 mendapati, bekas pesakit Ebola dihantui dengan stigma yang sangat besar selain berasa malu dan diskriminasi.

Satu kajian lain yang dilakukan Kementerian Kesihatan Sierra Leone dan Pusat Pencegahan dan Kawalan Penyakit Amerika Syarikat pula mendapati, 96 peratus daripada responden melaporkan, memang berlaku diskriminasi terhadap mereka yang pernah dijangkiti Ebola.

Faktor lain yang memburukkan lagi keadaan ialah dakwaan bahawa virus Ebola dapat hidup dalam air mani sekurang-kurangnya bagi tempoh sembilan bulan selepas pesakit sembuh.

Tempoh itu adalah enam

bulan lebih lama berbanding dakwaan yang pernah dibuat sebelum ini.

Para saintis juga bekerja keras untuk mengkaji tempoh sebenar virus itu boleh berada dalam cecair dan tisu pada mayat terutamanya di bahagian tulang belakang serta mata selain berapa lama ia boleh kembali menjangkiti seseorang.

Kumpulan doktor sukarelawan turut menjangkakan, sekitar tiga perempat bekas pesakit akan berhadapan dengan komplikasi pasca Ebola seperti pening kepala, keletihan dan masalah pada mata.

Momoh Sesey, seorang petani pertengahan usia dari Kambia kini terpaksa bergelut dengan emosi apabila kehilangan kedua-dua isteri dan empat anaknya akibat serangan epidemik berkenaan. – AFP

ORANG ramai melintasi papan tanda tertera tulisan **Hentikan Ebola di Sierra Leone pada awal bulan ini.**

